



Nestlé Good food, Good life

# Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 27 Februari 2024

## **Nestlé Malaysia catat satu lagi tahun yang mantap pada 2023** *Kumpulan mengesahkan perbelanjaan modal RM1 bilion untuk tempoh 2023-2025*

### **SOROTAN PENTING**

- Perolehan tahun penuh meningkat 5.8% kepada RM7.05 bilion, berasaskan jualan domestik yang kukuh.
- Untung Selepas Cukai tahun penuh meningkat kepada RM659.9 juta, disokong pertumbuhan jualan, kecekapan dalaman dan cukai lebih rendah ekoran ketiadaan *Cukai Makmur*.
- Perolehan S4 2024 meningkat 2.3% kepada RM1.69 bilion, manakala Untung Selepas Cukai meningkat kepada RM148.1 juta.
- Dividen interim ketiga sebanyak RM1.28 sesaham telah diisytiharkan.

**PETALING JAYA, 27 Februari 2024** – Nestlé Malaysia mencatatkan keputusan mantap bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dengan perolehan dan keuntungan lebih tinggi dipacu oleh pertumbuhan jualan domestik yang kukuh. Keputusan ini sekali lagi membuktikan kekuatan portfolio jenama dan produk Kumpulan untuk terus memenuhi keperluan dan jangkaan rakyat Malaysia yang kian berubah.

Sejajar dengan pengumuman sebelum ini, yang mencerminkan komitmen berterusannya untuk melabur dan membuka peluang pekerjaan di Malaysia, Nestlé Malaysia akan terus menaik taraf dan melabur dalam keupayaan perindustriannya pada 2024, berpandukan rancangan perbelanjaan modal RM1 bilion yang sedang dilaksanakan untuk tempoh 2023 – 2025.

### **Penilaian prestasi: Suku 4, 2023 berbanding Suku 4, 2022**

Pada suku keempat 2023 (S4 2023), Kumpulan mencatatkan Perolehan RM1.69 bilion, iaitu kenaikan 2.3% berbanding suku tahun yang sama tahun lepas, berasaskan

pertumbuhan domestik positif dan penurunan kecil jualan eksport berbanding paras jualan yang tinggi pada tahun sebelumnya.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Sehingga suku terakhir tahun dilaporkan, kami mengekalkan tumpuan kepada misi teras menyediakan makanan dan minuman berkualiti yang memenuhi keperluan dan jangkaan rakyat Malaysia. Kami terus memanfaatkan peluang untuk mendorong permintaan dalam suasana yang lebih tenang di mana rakyat Malaysia lebih teliti perbelanjaan masing-masing, sedangkan persaingan amat sengit. Resipi kami untuk sekali lagi mencatatkan pertumbuhan pada tahun yang dilaporkan tidak berubah: terus merebut semua peluang penggunaan meliputi jenama dan produk, memanfaatkan kekuatan portfolio yang sedia ada, mempelopori inovasi dan mencapai kecemerlangan pelaksanaan komersial.”

Untung Sebelum Cukai pada S4 2023 adalah lebih rendah sedikit berjumlah RM176.7 juta, terutamanya disebabkan perbelanjaan operasi lebih tinggi. Untung Selepas Cukai meningkat kepada RM148.1 juta, terutamanya ekoran ketiadaan *Cukai Makmur* yang dikenakan pada 2022.

### **Penilaian prestasi: Tahun Penuh 2023 berbanding Tahun Penuh 2022**

Bagi tahun penuh berakhir 31 Disember 2023, Kumpulan mencatatkan Perolehan RM7.05 bilion, iaitu kenaikan 5.8% berbanding RM6.66 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Jualan domestik kekal sebagai pemacu utama, didorong oleh permintaan pengguna yang tetap kukuh. Namun angka ini diimbangi sebahagiannya oleh jualan eksport lebih rendah berbanding 2022, dengan lonjakan ketara berlaku berikutan pelonggaran sekatan pandemik global.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Momentum kukuh yang kami capai mencerminkan kegigihan dan kesungguhan pasukan kami yang sentiasa komited untuk memenuhi janji kami menawarkan ‘Good Food, Good Life’ kepada seluruh rakyat Malaysia. Jenama-jenama teras kami terus memacu pertumbuhan, manakala produk inovatif baharu kami memanfaatkan trend baru

muncul yang sedang berkembang untuk membina platform demi masa depan. Sebagai contoh, kami terus membangunkan Makanan dan Minuman Berasaskan Tumbuhan di bawah jenama HARVEST GOURMET dan GOODNES; membangunkan penyelesaian Kulineri baharu di bawah MAGGI, dan menambah rangkaian Konfeksi dan Aiskrim yang baharu, seperti *KIT KAT Pink* dan *KIT KAT Salted Caramel Cookies*."

En. Aranols menambah: "Kami sentiasa meneruskan komitmen penuh kami untuk membalas kepercayaan yang diletakkan oleh rakyat Malaysia terhadap kami sepanjang tempoh 112 tahun lepas. Komitmen ini juga dilihat daripada rancangan pelaburan kukuh kami, pengambilan pekerja tempatan dan usaha meningkatkan taraf kehidupan masyarakat, di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan keterjaminan makanan Malaysia. Malah 100% daripada produk kami disahkan Halal dan kami berbangga kerana lebih 90% daripada produk yang kami jual merupakan "*Buatan Malaysia*" oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia. Produk kami juga dieksport ke banyak tempat di merata dunia, kerana kami merupakan hab pengeluaran Halal terbesar dalam dunia Nestlé."

Bagi tahun penuh 2023, Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai sebanyak RM879.1 juta dan Untung Selepas Cukai sebanyak RM659.9 juta. Prestasi ini dicapai menerusi jualan lebih tinggi dan tumpuan berterusan Kumpulan untuk meningkatkan kecekapan dalaman dan pelaksanaan inisiatif penjimatan, yang membantu mengurangkan kesan harga komoditi dan kadar tukaran mata wang yang kurang menguntungkan. Untung Selepas Cukai lebih tinggi juga dicapai kerana cukai lebih rendah dengan ketiadaan *Cukai Makmur* yang dikenakan pada 2022.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menjana nilai bagi pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim ketiga RM1.28 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, 6 sen lebih tinggi berbanding dividen interim 2022.

En. Juan Aranols menambah, “Selain daripada prestasi kewangan, kami terus menerajui usaha Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus pada 2023. Kami telah mencapai satu mercu jaya penting bagi Projek RELeaf dengan kejayaan menanam 1.5 juta pokok, dan kini bersedia untuk mencapai sasaran 3 juta pokok menjelang 2025. Penanaman ini akan menjadikan jumlah keseluruhan pokok yang ditanam mencecah 4 juta pokok, termasuk yang disemai di bawah inisiatif terdahulu kami, Project RiLeaf, yang disempurnakan pada 2020.”

“Dalam satu lagi inisiatif kelestarian, kami telah meluaskan program kitar semula komuniti bersama rakan-rakan kerjasama kami dan majlis perbandaran tempatan, yang kini sudah mencapai lebih daripada 170,000 isi rumah di seluruh Selangor dan Kuala Lumpur. Pada 2023, kami berjaya mengumpulkan hampir 12,000 tan sisa pembungkusan pasca pengguna, dengan hampir 6,750 tan terdiri daripada bahan plastik.”

“Di samping itu, untuk memperkasakan komuniti peladang tempatan dengan amalan pertanian lestari sambil menyokong keterjaminan makanan negara, kami meluaskan Program *Farmer Connect* kami buat julung kalinya ke Malaysia Timur menerusi kerjasama dengan Lembaga Koko Malaysia untuk membina rantai bekalan koko yang bertanggungjawab. Kami juga mengukuhkan kerjasama kami dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk menyokong pelbagai program bantuan kemanusiaan mereka, dengan menyumbang wang tunai dan barangan berjumlah RM3.5 juta pada 2023. Saya juga ingin mengiktiraf secara khusus semua kakitangan yang terlibat menyokong usaha bantuan banjir dan inisiatif kemasyarakatan lain di bawah program sukarelawan NESTLÉ CARES.”

### **Prospek**

En. Aranols mengulas, “Meninjau ke tahun 2024, cabaran seperti turun naik mata wang dan harga komoditi akan berterusan, serta sentimen pengguna yang lebih lemah dan juga kesan ke atas kuasa beli berikutan inflasi berterusan sejak beberapa tahun lepas. Kami akan meneruskan usaha dalam konteks apa yang telah kami lakukan dalam tempoh 112 tahun lepas di Malaysia: membekalkan produk bermutu tinggi, lazat dan berkhasiat yang

memenuhi keperluan dan jangkaan rakyat Malaysia sambil mencetus perubahan bermakna dalam masyarakat menerusi nilai-nilai kami, inisiatif kemasyarakatan kami, usaha kami ke arah kelestarian dan peralihan kepada masa depan lebih hijau buat semua.”

“Rancangan pelaburan kami yang disusun rapi sebelum ini sedang dilaksanakan dan kami akan membina asas bagi mencapai pertumbuhan lanjut untuk tahun-tahun yang mendatang. Bagi tahun kewangan 2024, kami juga yakin akan mencatatkan prestasi mantap dan memenuhi jangkaan para pemegang saham kami,” rumus En. Aranols.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
Bimbit: +6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Shahida Irawan atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
Bimbit: +6019 688 7204 (Shahida) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)